KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **27 Ogos 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 27/8/2025
M/SURAT: 9

# Bulan Kebangsaan, pemangkin kebanggaan Barangan Malaysia

## KBBM: Jom Beli Lokal lonjak sokongan barangan tempatan

PUTRAJAYA

Bulan Ogos setiap tahun menjadi detik istimewa buat seluruh rakyat Malaysia kerana ia bukan sekadar bulan sambutan kemerdekaan negara tetapi juga tanda kebersamaan dan perpaduan yang menyatukan kita semua.

Inilah waktunya kita menghargai nikmat kemerdekaan serta menzahirkan rasa cinta kepada negara melalui semangat patriotisme yang dapat memberi manfaat bersama untuk tanah air tercinta.

Namun, patriotisme bukan hanya dizahirkan melalui sambutan perarakan, kibaran bendera atau laungan merdeka semata-mata, ia juga boleh diterjemahkan melalui tindakan kita seharian secara istiqamah dengan penuh nilai dan makna kenegaraan yang sejati.

Salah satu bentuk patriotisme yang praktikal dan relevan dengan cabaran semasa ialah dengan menyokong produk barangan Malaysia.

Setiap kali kita memilih barangan tempatan sebenarnya kita sedang menzahirkan rasa cinta kepada tanah air, mengangkat martabat usahawan tempatan dan secara tidak langsung memperkukuh ekonomi domestik negara.

**Memperkasa Kempen Beli Barangan Malaysia**

Bagi merealisasikan semangat ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus memperkukuh Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) melalui slogan Jom Beli Lokal.

Inisiatif itu bertujuan menyemarakkan kesedaran dan sokongan rakyat terhadap produk keluaran Malaysia seterusnya memastikan ia kekal relevan dalam landskap ekonomi global yang semakin mencabar.

Kempen itu bukan sekadar slogan, tetapi sebuah gerakan nasional yang menekankan kepentingan memilih barangan buatan Malaysia sebagai langkah strategik untuk memacu ekonomi negara, menjana peluang pekerjaan, memperkukuh daya saing serta menanam rasa bangga terhadap identiti nasional.

Sejak dijenamakan semula pada tahun 2019, KBBM telah mencatatkan pencapaian membanggakan.

Nilai jualan di bawah inisiatif ini mencecah RM19.7 bilion yang melibatkan lebih 38,605 *stock keeping unit* (SKU).

**Logo Barangan Malaysia: Simbol keyakinan dan pengiktirafan**

Dalam dunia pemasaran, penjenamaan memainkan peranan yang amat penting.

Bagi barangan tempatan, Logo Barangan Malaysia berfungsi sebagai tanda pengiktirafan yang bukan sahaja memberi keyakinan kepada pengguna, malah menjadikan jenama tempatan sebagai pilihan utama rakyat Malaysia.

Sehingga kini, sebanyak 3,114 syarikat meliputi 33,090 SKU telah mendapat kebenaran menggunakan Logo Barangan Malaysia.

Justeru, KPDN menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan atau pengeluar untuk memohon penandaan logo ini kerana ia bukan sahaja membantu meningkatkan keyakinan pengguna tempatan, tetapi juga berpotensi membuka laluan ke pasaran antarabangsa.

Permohonan penandaan logo ini boleh dibuat secara mudah melalui pautan rasmi https://buymalaysian.kpdn.gov.my.

Usaha ini merupakan langkah penting dalam memperkukuh penjenamaan barangan tempatan sekali gus meningkatkan daya saing industri Malaysia di pentas global.

**Barangan Malaysia di mata dunia**

Kesungguhan KPDN untuk mengangkat produk tempatan bukan sahaja di dalam negara, malah ia kini diperluas ke pasaran antarabangsa melalui Program *Local to Global Retail* atau Program Pengantarabangsaan Produk Usahawan Tempatan ke Pasaran Luar Negara yang telah mula dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2024.

Pada tahun 2024, sebanyak 65 syarikat usahawan tempatan Malaysia melibatkan 275 SKU telah berpeluang menyertai empat siri program promosi luar negara yang membuka ruang pasaran antarabangsa di tiga negara iaitu Thailand, Emiriah Arab Bersatu (Dubai) dan Jepun.

Kejayaan ini membuktikan bahawa mutu barangan Malaysia bukan sahaja mampu memenuhi citarasa rakyat tempatan, malah diiktiraf setanding dengan produk antarabangsa.




**Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua dari kiri) melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) disaksikan oleh Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali (kiri), Timbalan Menteri KPDN, Senator Datuk Dr Fuziah Salleh serta Ketua Setiausaha KPDN, Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar.**

Inilah kekuatan sebenar KBBM, mengangkat produk tempatan ke pentas global.

Dari segi kualiti, harga yang kompetitif dan kepelbagaian produk, keluaran barangan Malaysia mempunyai potensi besar untuk terus berkembang di peringkat antarabangsa.

**Program Jelajah Karnival KPDN dan KBBM 2025**

Sebagai kesinambungan usaha tersebut, Program Jelajah Karnival KPDN dan KBBM 2025 dianjurkan bermula Jun hingga November bagi membawa mesej strategik ini ke seluruh pelosok tanah air.

Karnival yang berlangsung di enam zon seluruh negara, menjadi platform berkesan untuk mempromosi barangan tempatan secara terus kepada pengguna selain merakyatkan perkhidmatan di bawah tanggungjawab dan fungsi KPDN.

Lebih menarik lagi, program itu turut mendapat sokongan besar daripada rangkaian peruncitan utama negara seperti pasar raya Mydin, Lulu Hypermarket, Lotus's, Aeon Mall, KK Mart, 99 Speedmart dan banyak lagi.

Kerjasama erat turut dijalinkan dengan platform e-dagang seperti TikTok Shop, Shopee, dan Lazada yang menjadikan KBBM sebagai inisiatif inklusif yang menghubungkan pengeluar, pengedar, peruncit dan pengguna dalam satu ekosistem dalam talian secara menyeluruh.

Dalam memastikan sokongan rakyat terhadap produk tempatan lebih kukuh, aspek harga turut diberi perhatian serius.

Sehubungan itu, KPDN menerusi Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) yang menawarkan barangan terpilih pada harga subsidi.

Program itu bukan sahaja membantu mengimbangi kos sara hidup rakyat tetapi juga menggalakkan pengguna terus berbelanja atas jenama barangan Malaysia.

Dengan adanya intervensi sebegini, rakyat dapat menikmati barangan berkualiti pada harga yang berpatutan sementara pengeluar tempatan terus mendapat sokongan berterusan.

Ini membuktikan bahawa menyokong barangan Malaysia bukan sekadar slogan tetapi satu bentuk kerjasama dua hala antara rakyat dan pengeluar demi kesejahteraan bersama.

**Patriotisme melalui kuasa membeli**

Kesemua usaha ini akhirnya membawa kepada satu hakikat bahawa patriotisme bukan sekadar semangat yang dilaungkan pada Bulan Kebangsaan tetapi juga pilihan pembelian harian yang dibuat oleh setiap rakyat.

Sokongan terhadap barangan Malaysia memastikan industri negara terus berkembang, peluang pekerjaan diwujudkan dan ekonomi menjadi lebih berdaya tahan.

Dalam jangka masa panjang, langkah ini turut mengurangkan kebergantungan kepada barangan import sekali gus memperkukuh kedaulatan ekonomi negara.

Sempena Bulan Kebangsaan ini, marilah kita sama-sama memaknai semangat patriotisme dengan tindakan nyata melalui pemilihan barangan Malaysia yang bukan sahaja menyokong usahawan tempatan tetapi turut memperkukuh aspirasi Malaysia MADANI berteraskan nilai kebersamaan dan kesejahteraan.

Setiap pembelian adalah satu sokongan untuk Malaysia.

Setiap ringgit yang dibelanjakan untuk produk tempatan adalah pelaburan kepada generasi akan datang.

Inilah masanya untuk membuktikan bahawa cinta kepada tanah air bukan sekadar kata-kata tetapi melalui tindakan yang memberi impak besar kepada ekonomi negara.

***Jom Beli Lokal: Barangan Kita, Kebanggaan Kita!***

***Selamat Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2025 : Malaysia MADANI, Rakyat Disantuni***

**Ketua Setiausaha KPDN,**
**Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar**

> *"Inisiatif itu bertujuan menyemarakkan kesedaran dan sokongan rakyat terhadap produk keluaran Malaysia seterusnya memastikan ia kekal relevan dalam landskap ekonomi global yang semakin mencabar."*
>
> **- Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 27/8/2025

M/SURAT: 9

# 880 kotak keropok ikan guna logo halal tak sah disita

**Ipoh:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyita 880 kotak produk keropok ikan bernilai RM40,299 yang menggunakan logo halal tidak sah dalam serbuan di sebuah kilang memproses makanan di Hutan Melintang, dekat Teluk Intan pagi kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamaluddin Ismail, berkata serbuan kira-kira 11.30 pagi itu dilakukan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan menemui sejumlah produk keropok ikan yang ditandakan dengan logo halal palsu.

"Pemeriksaan mendapati pemilik kilang gagal mengemukakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Perintah 8 (a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 kerana memperaku makanan sebagai halal tanpa kebenaran sah.

Beliau berkata pihaknya turut menemui 1,750 liter minyak diesel dan 136 kilogram minyak masak peket tanpa permit, dengan nilai rampasan RM5,065, menjadikan jumlah keseluruhan rampasan RM45,364.

"Pemilik juga gagal mengemukakan sebarang surat kebenaran atau lesen untuk menyimpan barang kawalan diesel dan minyak masak daripada Pengawal Bekalan.

"Kita telah membuka dua kertas siasatan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 27/8/2025
M/SURAT: 8

# Mydin contributes to charity via Kotak Sara Rahmah initiative




Fuziah (third left), Ameer (second right) and others witness the symbolic unveiling of the 'Kotak Sara Rahmah' during the launch at Mydin Subang Jaya. — Bernama photo

**KUALA LUMPUR:** Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Malaysia's leading homegrown hypermarket chain, has launched its latest corporate social responsibility (CSR) initiative, the 'Kotak Sara Rahmah' – a 'buy and donate' programme designed to assist underprivileged groups nationwide.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Dr Fuziah Salleh officiated at the event in Mydin Subang Jaya on Monday.

Under this CSR programme, Malaysians who are able to contribute can do so by purchasing the Kotak Sara Rahmah, which contains essential goods such as rice, cooking oil, sugar, flour, vermicelli noodles and canned food.

Purchases can be made using the RM100 'Sara Untuk Semua' government assistance.

The boxes will then be collected and distributed to the targeted groups, including B40 (low-income) families, single mothers, senior citizens, and persons with disabilities, in collaboration with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living and the Welfare Department.

In a unique move, the boxes also feature products from local small and medium enterprises (SMEs), further supporting small business growth while benefiting the aid recipients.

According to Mydin managing director Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin, the initiative aligns with the government's 'Sara Untuk Semua' programme.

"Recipients of the RM100 aid who may not need it, particularly those from higher-income groups, can channel the funds (to those deserving the aid) by purchasing these boxes.

"We believe business success is not only measured by profits, but also by how much we can give back to society. Kotak Sara Rahmah not only eases the burden of vulnerable communities, but also drives the local SME economy," he said in his speech.

The programme will officially kicks off this Aug 31, across all Mydin hypermarkets nationwide.

Starting this Sept 2, Mydin will also launch the roadshow truck series covering trips to ministries, government agencies, and private institutions to encourage wider participation in purchasing and donating the boxes.

"With a mission to gather 200,000 Kotak Sara Rahmah by the end of the year, Mydin is confident the initiative will create a significant social impact, while strengthening the spirit of solidarity among Malaysians," said Ameer.

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 27/8/2025
M/SURAT: 4

# MYDIN galak orang ramai beli Kotak SARA RAHMAH dengan bantuan RM100, bantu golongan kurang mampu

Oleh Nurin Abdullah

**KUALA LUMPUR:** Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN), rangkaian pasar raya tempatan terkemuka di Malaysia melancarkan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) terbaharu iaitu Kotak SARA RAHMAH, sebuah program "beli dan derma" yang bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan di seluruh negara.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Senator Datuk Dr Fuziah Salleh di MYDIN Subang Jaya kelmarin, dengan sokongan daripada pelbagai agensi kerajaan serta rakan strategik.

Menerusi program ini, rakyat Malaysia yang berkemampuan boleh membeli Kotak SARA RAHMAH yang mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula, tepung, bihun dan makanan dalam tin.

Pembelian boleh dibuat menggunakan bantuan kerajaan RM100 "SARA Untuk Semua". Kotak-kotak ini kemudiannya akan dikumpulkan dan diagihkan kepada kumpulan sasaran termasuk keluarga B40, ibu tunggal, warga emas serta orang kurang upaya (OKU) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sebagai kelainan, kotak ini turut memuatkan produk usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan, sekali gus menyokong pertumbuhan perniagaan kecil di samping memberi manfaat kepada penerima bantuan.

Pengarah Urusan MYDIN Datuk Wira (Dr) Ameer Ali Mydin berkata inisiatif ini selaras dengan program SARA Untuk Semua kerajaan.

"Penerima bantuan RM100 yang mungkin tidak memerlukannya, khususnya daripada golongan berpendapatan tinggi, boleh menyalurkan dana tersebut untuk membeli kotak ini. Kami percaya kejayaan perniagaan bukan hanya diukur melalui keuntungan, tetapi juga sejauh mana kita mampu memberi kembali kepada masyarakat.

"Kotak SARA RAHMAH bukan sahaja meringankan beban komuniti rentan, malah turut menggerakkan ekonomi PKS tempatan," katanya.

Program ini akan mula dilaksanakan secara rasmi pada 31 Ogos ini di semua pasar raya besar MYDIN di seluruh negara.

Bermula 2 September, MYDIN juga akan melancarkan siri lori jelajah ke kementerian, agensi kerajaan dan institusi swasta bagi menggalakkan lebih ramai pihak menyertai usaha membeli serta menyumbang kotak tersebut.

Dengan misi mengumpul 200,000 Kotak SARA RAHMAH menjelang akhir tahun, MYDIN yakin inisiatif ini akan memberi impak sosial yang besar serta memperkukuh semangat solidariti dalam kalangan rakyat Malaysia.




**BELI DAN DERMA:** Ameer menegaskan bahawa Kotak SARA RAHMAH adalah sejajar dengan program SARA Untuk Semua dan menggalakkan rakyat Malaysia menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 27/8/2025
M/SURAT: 4

# RM38m diesel seized in Sabah and Sarawak

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry told Parliament that more than 1,900 cases involving diesel smuggling and subsidied goods were recorded in Sabah and Sarawak since the start of last year.

"Between Jan 1, 2024 and Aug 18, 2025, Ops Tiris 3.0 recorded 45,319 investigations, which resulted to 1,968 cases involving diesel smuggling.

"Seizures following these operations totalled 16.8 million litres of diesel, estimated at over RM38 million," the ministry said in reply to a question by Julai MP Datuk Larry Sng on Aug 21.

The ministry added that in Sabah, there were 871 cases recorded for the period Jan 1, 2023 to July 8, 2025, with seizures valued at RM4.2 million and 150 arrests.

In Sarawak, 522 cases were recorded for the same period, with RM12.6 million in seizures and 100 arrests.

"We have strengthened cooperation with enforcement agencies including police, the Customs Department, Malaysian Maritime Enforcement Agency and the Road Transport Department.

"These joint operations were carried out under Ops Tiris. We have also placed enforcement officers at eight border entry points since Jan 20, 2024 to ensure tighter control," the ministry said.

It added that firm action has been taken against companies involved in violations, with a total of 34 companies facing action, including revocation and suspension of permits between 2024 and 2025.

On retail monitoring, the ministry said the permit system is being used as a control mechanism.

"The Permit for Scheduled Controlled Goods is one of the measures to track the sale of subsidised diesel.

"We also enforced a ban on the sale of RON95 and subsidised diesel to foreign-registered vehicles on June 17, 2022.

"Sales of diesel to Malaysian-registered heavy vehicles are capped at 250 litres per day and must be filled directly into the vehicle tank. Sales into containers require written approval via a special permit." – Masry Che Ani/theSun

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS

HARI: RABU

TARIKH: 27/8/2025

M/SURAT: 2



■执法队伍也充公了无准证的1750公升柴油。



■由于业者无法出示合法清真认证，霹雳州国内贸易及生活成本局，充公该工厂价值4万299令吉的产品。

## 未能出示清真認證

# 魚餅廠4萬貨品被充公

（怡保26日讯）一家位于半港的鱼饼加工与供应工厂，因涉嫌未能出示合法清真认证，以及无准证储存统制物品，遭霹雳州国内贸易及生活成本局（KPDN）执法队伍突击检查，并充公总值4万5364令吉的鱼饼产品、柴油及袋装食用油。

该局主任拿督卡马鲁丁在文告中指出，执法员于昨早11时半，与霹雳伊斯兰宗教局在该工厂展开联合行动。

他说，执法队伍在该工厂内查获880箱鱼饼产品，其包装上印有声称获得清真认证的标志，但业主无法出示由大马伊斯兰发展局签发的有效清真认证书，涉案货物总值约4万零299令吉。

他说，执法人员也在工厂内发现1750公升柴油及136公斤袋装食用油，唯业主未能出示任何储存统制品的准证、执照或批准文件，相关物品随即遭充公，估值约5065令吉。两项充公物品总值4万5364令吉。

他说，案件将援引2011年商品说明法令及1961年供应管制法令调查。根据条例，公司若未经认证使用清真标志，首次罪成可罚款最高20万令吉，再犯可高达50万令吉；个人则可被罚款最高10万令吉或监禁3年，或两者兼施，再犯则可被罚款最高25万令吉或监禁5年。

他说，至于非法持有或储存统制物品，个人罪成可被罚款不超过100万令吉或监禁3年，或两者兼施；公司罪成则罚款不超过200万令吉，再犯最高罚款500万令吉。

他促请呼吁公众若发现食品产品的清真标志存有疑点，应及时向该局举报，以协助打击不法行为。

民众众可通过以下管道向附近的分局举报：WhatsApp 至 019-848 8000；电子投诉门户 e-aduan@kpdn.gov.my；热线：1 800 886 800；KPDN 手机应用程序 “Ez Adu KPDN” 。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 二本地男各被罚1万5千令吉

## 因滥用受管制物品

(本报纳闽26日讯)纳闽地方法庭今日判处两名本地男子各罚款15,000令吉，或以三(3)个月监禁替代。他们已承认根据《1974年供应管制条例》第3(1)条文，并依照《1961年供应管制法令》(法令122)第21条所提出的控状有罪。

在第一宗案件中，被告(52岁)于2024年12月8日，在本区一间油站的“渗漏行动3.0“行动中被捕。检查结果发现，他的四轮驱动车上额外挂载的铁制油槽，存有约500公升的补贴柴油。涉案物品总值估计16,075令吉。

案件由国内贸易及生活成本部检控官阿兹曼宾主控，助理执法官阿芬迪调查。

本案由法官最终判决被告罚款15,000令吉或监禁三个月。

法庭同时裁定，1,175令吉的押金充公归政府所有。

至于第二宗案件，于2025年2月24日，被告(41岁)在没有任何国内贸易及生活成本部书面许可证的情况下，被纳闽国内贸易及生活成本部检队当场发现其驾驶的货车额外挂载的铁制油槽内，非法存有约400公升的柴油。本案涉案物品总值估计130,933令吉。

案件由国内贸易及生活成本部检控官莎布丽娜宾蒂主控，助理执法官艾迪宾调查，由法官审理，最终裁定被告罚款15,000令吉或监禁三个月。法院同时判定，1,020.68令吉的押金充公归政府。

纳闽国内贸易及生活成本部发言人强调，将继续加强执法行动，绝不姑息任何企图滥用受管制补贴物资的行为。此举对于确保汽油和柴油的供应充足，并能送达符合资格的使用者至关重要。

纳闽国内贸易及生活成本部也将持续对区内所有涉及受管制物品的活动进行检查与监控，以杜绝任何形式的舞弊与滥用行为。(001)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: RABU
TARIKH: 27/8/2025
M/SURAT: 6

5 KEY AREAS

# MyCC invites public feedback on digital economy market review

**KUALA LUMPUR:** All stakeholders from various sectors are invited to contribute their feedback on the draft of a digital economy growth and development review.

In a statement, the Malaysia Competition Commission (MyCC) said the strategic review thoroughly analyses five key areas identified as fundamental in the draft entitled *Final Report of the Market Review on the Digital Economy Ecosystem*.

"The areas are mobile operating and payment systems, e-commerce (retail marketplace), digital advertising services, online travel agencies (OTAs) and data privacy and protection," it said.

MyCC presented the findings from its comprehensive market study after holding a public consultation session with industry players on Aug 19 and a subsequent session with representatives from ministries and government agencies the next day.

The study highlights key competition issues, structural challenges within the market and critical policy considerations to strengthen the nation's digital economy ecosystem.

During the sessions, MyCC also shared preliminary recommendations which will serve as the foundation for future policy development towards building a fairer, more innovative and competitive digital ecosystem in Malaysia.

"MyCC calls all stakeholders across sectors to provide their feedback on the preliminary recommendations contained in the final draft.

"This critical input will ensure that our proposed framework reflects diverse perspectives from regulators, industry participants and the public, ultimately strengthening Malaysia's digital economy landscape," it said.

MyCC said all submissions must be received by Sept 14 to be incorporated before the study's finalisation in December. **Bernama**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA
HARI: RABU
TARIKH: 27/8/2025
M/SURAT: 20

# MyCC invites public feedback on digital economy market review

Bernama

KUALA LUMPUR (Aug 26): All stakeholders from various sectors are invited to contribute their feedback on the Draft Final Report of the Market Review on the Digital Economy Ecosystem.

In a statement, the Malaysia Competition Commission (MyCC) said the strategic review thoroughly analyses five key areas identified as fundamental to Malaysia's digital economy growth and development.

"The areas are mobile operating and payment systems, e-commerce (retail marketplace), digital advertising services, online travel agencies, and data privacy and protection," it said.

MyCC presented the findings from its comprehensive market study after holding a public consultation session with industry players on Aug 19 and a subsequent session with representatives of ministries and government agencies the next day.

The study highlights key competition issues, structural challenges within the market and critical policy considerations to strengthen the nation's digital economy ecosystem.

During the sessions, MyCC also shared preliminary recommendations which will serve as the foundation for future policy development towards building a fairer, more innovative and competitive digital ecosystem in Malaysia.

"MyCC calls all stakeholders across sectors to provide their feedback on the preliminary recommendations contained in the final draft.

"This critical input will ensure our proposed framework reflects diverse perspectives from regulators, industry participants and the public, ultimately strengthening Malaysia's digital economy landscape," it said.

MyCC said all submissions must be received by Sept 14 to be incorporated before the study's finalisation in December 2025.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 27/8/2025
M/SURAT: 8

# MyCC invites public feedback on digital economy market review

**KUALA LUMPUR:** All stakeholders from various sectors are invited to contribute their feedback on the Draft Final Report of the Market Review on the Digital Economy Ecosystem.

In a statement, the Malaysia Competition Commission (MyCC) said the strategic review thoroughly analyses five key areas identified as fundamental to Malaysia's digital economy growth and development.

"The areas are mobile operating and payment systems, e-commerce (retail marketplace), digital advertising services, online travel agencies (OTAs), and data privacy and protection," it said.

MyCC presented the findings from its comprehensive market study after holding a public consultation session with industry players on Aug 19 and a subsequent session with representatives from ministries and government agencies the next day.

The study highlights key competition issues, structural challenges within the market and critical policy considerations to strengthen the nation's digital economy ecosystem.

During the sessions, MyCC also shared preliminary recommendations which will serve as the foundation for future policy development towards building a fairer, more innovative and competitive digital ecosystem in Malaysia.

"MyCC calls all stakeholders across sectors to provide their feedback on the preliminary recommendations contained in the final draft.

"This critical input will ensure our proposed framework reflects diverse perspectives from regulators, industry participants and the public, ultimately strengthening Malaysia's digital economy landscape," it said.

MyCC said all submissions must be received by Sept 14 to be incorporated before the study's finalisation in December 2025. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 27/8/2025
M/SURAT: 19

# Warga maya puji abang baju batik halang kenderaan asing isi RON95

**JOHOR BAHRU** - Tindakan seorang lelaki tempatan menegur pemilik kereta bernombor pendaftaran Singapura didakwa mengisi petrol bersubsidi RON95 di sebuah stesen minyak di bandar raya ini mendapat pujian ramai.

Dalam video berdurasi 53 saat yang tersebar di media sosial, lelaki terbabit yang berbaju batik dilihat menghampiri pemandu kereta sebelum meminta supaya tidak mengisi RON95.

Rakaman menunjukkan situasi berlangsung dengan tenang tanpa sebarang provokasi, sekali gus menarik perhatian orang ramai yang memuji keberanian serta sikap berhemah lelaki terbabit.

"Bagus cara abang ni tegur dengan sopan tapi tegas," komen seorang pengguna Facebook.

"Kalau semua berani macam abang ni, orang luar takkan sewenang-wenangnya guna subsidi kita," kata seorang lagi pengguna media sosial.

Sementara itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor memaklumkan pihaknya sedang menjalankan siasatan berhubung insiden terbabit.

Pengarahnya, Lilis Saslinda Pornomo berkata, anggota KPDN sudah ke stesen terbabit untuk mendapatkan maklumat lanjut termasuk semakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

"Kerajaan menetapkan hanya rakyat tempatan dibenarkan mengisi RON95 manakala kenderaan asing perlu menggunakan RON97," jelasnya.



Tindakan seorang lelaki menghalang kenderaan plat Singapura mengisi RON95 mendapat pujian warga maya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 27 OGOS 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 27-Aug | Kilang keropok di Hutan Melintang guna logo halal tak sah | https://www.kosmo.com.my/2025/08/26/kilang-keropok-di-hutan-melintang-guna-logo-halal-tak- | KOSMO |
| 27-Aug | Kilang keropok ikan guna sijil halal tak sah diserbu | https://www.sinarharian.com.my/article/745130/berita/semasa/kilang-keropok-ikan-guna-sijil-halal-tak-sah- | SINAR HARIAN |
| 27-Aug | Fish Crackers Without Certified Halal Logo Seized From Factory In Hutan Melintang | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2460693 | BERNAMA |
| 27-Aug | KPDN sita produk keropok ikan guna logo halal tidak sah | https://www.malaysiakini.com/news/753422 | MALAYSIAKINI |
| 27-Aug | Servis Ihsan Madani Perodua 2025 (19 Ogos-1 Oktober 2025) | https://ecentral.my/servis-ihsan-madani/ | ECENTRAL |
| 27-Aug | Program Jualan Rahmah MADANI Di N. Sembilan Rekod Jualan Lebih RM60 Juta | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2460773 | BERNAMA |
| 27-Aug | MyCC invites public feedback on digital economy market review | https://www.nst.com.my/business/corporate/2025/08/1265767/mycc-invites-public-feedback-digital-economy-market- | NST |
| 27-Aug | MyCC invites public feedback on digital economy market review | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2025/08/26/mycc-invites-public-feedback-on-digital-economy-market- | THE STAR |
| 27-Aug | Jalur Gemilang campaign at 4,320 petrol stations | https://www.dailyexpress.com.my/news/265356/jalur-gemilang-campaign-at-4-320-petrol- | DAILY EXPRESS |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27-Aug | Retail fuel pricing policies | https://www.dailyexpress.com.my/news/265354/retail-fuel-pricing- | DAILY EXPRESS |
| 27-Aug | Peniaga, lima pekerja dituduh seleweng 11,883 kg minyak masak bersubsidi | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/peniaga-lima-pekerja-dituduh-seleweng-11883-kg-minyak | HARIAN METRO |
| 27-Aug | 6 termasuk warga Myanmar didakwa miliki lebih 11,000kg minyak masak tanpa lesen | https://www.sinarharian.com.my/article/745259/berita/semasa/6-termasuk-warga-myanmar-didakwa-miliki-lebih-11000kg-minyak- | SINAR HARIAN |
| 27-Aug | Miliki lebih 11,000 kg minyak masak tanpa lesen, 6 didakwa | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/08/1257037/miliki-lebih-11000-kg-minyak-masak-tanpa-lesen- | HARIAN METRO |
| 27-Aug | Six Charged With Illegal Possession Of 11,883 Kg Cooking Oil | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2460989 | BERNAMA |
| 27-Aug | Enam termasuk warga Myanmar didakwa miliki 11,883 kg minyak masak tanpa lesen | https://thesun.my/cerita/berita/enam-termasuk-warga-myanmar-didakwa-miliki-11883-kg-minyak-masak-tanpa-lesen- | THE SUN |
| 27-Aug | Six charged with illegal possession of 11,883kg cooking oil | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/26/six-charged-with-illegal-possession-of-11883kg- | THE STAR |
| 27-Aug | Six charged with illegal possession of 11,833kg of cooking oil | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1266115/six-charged-illegal-possession-11833kg-cooking-oil | NST |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27-Aug | KPDN Perlis Anjur PJRM Bergerak Sempena Bulan Kebangsaan 2025 | https://malaysiaaktif.my/2025/08/kpdn-perlis-anjur-pjrm-bergerak-sempena-bulan- | MALAYSIA AKTIF |
| 27-Aug | Tindakan abang berbaju batik halang kenderaan plat Singapura isi RON95 dipuji | https://www.sinarharian.com.my/article/745174/berita/semasa/tindakan-abang-berbaju-batik-halang-kenderaan-plat-singapura- | SINAR HARIAN |
| 27-Aug | Tular video pemandu Singapura selamba isi RON95, ditegur lelaki tempatan | https://thereporter.my/pemandu-singapura-selamba-isi-ron95/ | THE REPORTER |
| 27-Aug | Inisiatif Kotak SARA Rahmah bawa agenda ihsan Kerajaan MADANI - Fuziah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1438492/inisiatif-kotak-sara-rahmah-bawa-agenda-ihsan- | BERITA HARIAN |
| 27-Aug | Inisiatif Kotak SARA Rahmah bawa agenda ihsan Kerajaan MADANI – Fuziah | https://www.buletintv3.my/nasional/mydin-lancar-kotak-sara-rahmah-bantu-golongan-memerlukan/ | TV3 |
| 27-Aug | 称援助金对弱势体群意义大 傅芝雅：RM100够俩老一个 | https://www.orientaldaily.com.my/news/nation/2025/08/26/757275 | ORIENTAL DAILY |
| 27-Aug | 称援助金对弱势体群意义大 副部长：RM100够俩老一个 | https://news.seehua.com/post/1364658 | SEE HUA |
| 27-Aug | Produk Keropok Ikan Guna Logo Halal Tidak Sah Disita | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2460674 | BERNAMA |
| 27-Aug | 880 kotak keropok ikan guna logo halal tidak sah disita di Perak | https://thesun.my/cerita/berita/880-kotak-keropok-ikan-guna-logo-halal-tidak-sah-disita-di-perak-FE14763556 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27-Aug | MyCC invites public feed-back on digital economy market review | theedgemarkets.com/node/768143?utm_source=Newswav&utm_me | THE EDGE |
| 27-Aug | Pemegang taruh dijemput beri maklum balas draf Kajian Ekosistem Digital | https://wartaoriental.com/2025/08/26/pemegang-taruh-dijemput-beri-maklum-balas-draf-kajian-ekosistem-digital/ | WARTA ORIENTAL |
| 27-Aug | MyCC jemput maklum balas daripada orang ramai mengenai kajian pasaran ekonomi digital | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mycc-jemput-maklum-balas-daripada-orang-ramai-mengenai-kajian-pasaran-ekonomi-digital-535879 | ASTROAWANI |